Koperasi telah dianugerahkan kontrak untuk membekal satu (1) jenis baja kepada LKPP Corporation Sendirian Berhad. Jumlah keseluruhan baja yang akan dibekalkan berjumlah 1,164 metrik tan dengan nilai keseluruhan melebihi RM2.3 juta. Selain itu, Koperasi juga telah berjaya memenangi tender pembekalan lima (5) jenis baja kepada PKPP Agro Sdn. Bhd. yang melebihi 2,900 metrik tan dengan nilai berjumlah RM6.8 juta. Kesemua kontrak pembekalan ini perlu diselesaikan di dalam tahun 2022. Koperasi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan LKPP Corporation Sendirian Berhad dan PKPP Agro Sdn. Bhd diatas kepercayaan yang telah diberikan kepada Koperasi ini.
- 10.7 Pelan Strategik Koperasi LKPP Pahang Berhad 2020-2025**
Koperasi telah menyediakan pelan strategik bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2020 hingga 2025. Pelan strategik ini akan menjadi panduan kepada Koperasi di dalam merangka aktiviti perniagaan bagi tempoh tersebut. Pelan strategik ini disesuaikan dengan Pelan Strategik PKPP bagi tempoh yang sama supaya aktiviti yang akan diceburi oleh Koperasi boleh diselaraskan dengan harapan Koperasi boleh menerima sedikit sebanyak manfaat dari Kumpulan PKPP bagi menjana pendapatan dan keuntungan kepada Koperasi.
- 10.8 Penyewaan Jentera Pertanian**
Ketika ini, Koperasi memiliki 10 buah jentera pertanian yang meliputi traktor dan *grabber* yang disewakan kepada PKPP Plantation Sdn. Bhd. Aktiviti ini telah menyumbang pendapatan tetap secara bulanan kepada Koperasi. Koperasi bersedia untuk mengembangkan lagi aktiviti ini di masa hadapan sekiranya mendapat peluang daripada syarikat-syarikat Kumpulan PKPP yang lain.

11.0 CABARAN TAHUN 2022

- 11.1 Dalam tahun 2022 ini, penularan wabak Covid-19 masih memberikan kesan kepada pendapatan keseluruhan Koperasi. Walaupun harga minyak sawit mentah (MSM) telah mencatatkan kenaikan, namun isu kekurangan tenaga kerja asing (TKA) dan kenaikan harga baja serta racun terutamanya di dalam sektor perladangan kelapa sawit membataskan peluang untuk Koperasi memaksimumkan pendapatan daripada aktiviti perladangan. Walaubagaimanapun, Koperasi akan berusaha melalui agen-agen pengurusan ladang untuk menangani permasalahan ini.
- 11.2 Untuk memaksimumkan pendapatan melalui kawalan perbelanjaan operasi perladangan, Koperasi telah mengambil langkah untuk menyusun semula pengurusan ladang-ladang Koperasi di bawah agen pengurusan yang baharu. Diharapkan langkah ini akan meningkatkan lagi penghasilan ladang selain kawalan perbelanjaan operasi yang lebih rendah dapat dicapai.
- 11.3 Pengharapan Anggota kepada Koperasi juga meningkat dari masa ke semasa. Adalah menjadi tanggungjawab yang sangat besar kepada ALK dan seluruh kakitangan Koperasi untuk memenuhi harapan ini. Koperasi akan berusaha untuk memastikan Koperasi ini menjadi punca pendapatan kedua utama kepada Anggota selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Koperasi sebagai punca kedua utama yang menyumbang kepada pendapatan negara.
- 11.4 Koperasi akan berusaha untuk memastikannya sentiasa tersenarai di dalam 100 buah koperasi terbaik negara melalui peningkatan hasil dan keuntungan dari tahun ke tahun dan menjadi antara 10 koperasi terbaik di negeri Pahang.

12.0 RUMUSAN

- 12.1 Secara keseluruhannya, Koperasi LKPP Pahang Berhad berada di dalam keadaan yang baik dan terkawal melalui tadbir urus yang baik. Koperasi akan sentiasa berusaha menjadi entiti yang boleh dibanggakan oleh Anggota bukan sahaja melalui pulangan yang diberikan, tetapi juga melalui kepelbagaian aktiviti dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada Anggota.

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PENGURUSAN,
KEWANGAN DAN PERDAGANGAN TAHUN 2021/2022**

1.0 FUNGSI

- 1.1 Bertanggungjawab mengurus serta mengkaji Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi dari masa ke semasa, merangka dan menyediakan peraturan-peraturan yang ada di dalam pentadbiran Koperasi bagi melicinkan perjalanan pentadbiran Koperasi;
- 1.2 Menyediakan senarai tugas dan tanggungjawab kakitangan Koperasi termasuk laporan prestasi dan tindakan tatatertib;
- 1.3 Mengurus latihan, pendidikan dan kebajikan-kebajikan lain kepada Anggota Koperasi;
- 1.4 Bertanggungjawab memantau dan mengawasi segala urusan berkaitan dengan kewangan Koperasi;
- 1.5 Memantau dan menyelia penyediaan akaun Koperasi sehingga diaudit dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia;
- 1.6 Membantu menguruskan pinjaman daripada bank, institusi kewangan atau mana-mana agensi lain bagi mendapatkan pinjaman untuk Anggota Koperasi;
- 1.7 Menimbang dan meluluskan permohonan pinjaman daripada Anggota Koperasi;
- 1.8 Menimbang perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kewangan Koperasi, jika perlu;
- 1.9 Membantu menyediakan anggaran belanjawan dan unjuran kewangan tahunan Koperasi; dan
- 1.10 Menjalankan aktiviti perniagaan runcit seperti membekal alatan pejabat, bahan makanan, peralatan elektrik, telekomunikasi, motosikal dan lain-lain sebagai khidmat sampingan dan sokongan kepada Anggota dan aktiviti teras Koperasi iaitu tabungan dan pinjaman.

2.0 SENARAI AHLI JAWATANKUASA

- | | | | | |
|-----|-------------------|---|--|-------|
| 2.1 | Pengerusi | : | Encik Khairul Anuar bin Basir | - ALK |
| 2.2 | Setiausaha | : | Puan Faridah binti Zakaria | |
| 2.3 | Ahli Jawatankuasa | : | Encik Abd Hisham bin Mat Idrus | - ALK |
| | | | Puan Hajah Hasna' binti Mohamad Taib | - ALK |
| | | | Puan Nor Zaini binti Mamat | - ALK |
| | | | Puan Khosiyah binti Halil | |
| | | | Encik Muhamad Khairi bin Zulkafli | |
| | | | Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak | |

3.0 KEKERAPAN MESYUARAT

- 3.1 Jawatankuasa ini bagi sesi tahun 2021/2022 telah mengadakan mesyuarat sebanyak satu (1) kali bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan fungsi jawatankuasa seperti jadual di bawah :-

Bil	Tarikh
1/2021	29 Mac 2022

- 3.2 Kehadiran ahli jawatankuasa ini ke mesyuarat yang diadakan adalah seperti jadual di bawah :-

Bil	Nama	Kekerapan
1.	Encik Khairul Anuar bin Basir	1/1
2.	Puan Faridah binti Zakaria	1/1
3.	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	1/1
4.	Puan Hajah Hasna' binti Haji Mohamad Taib	0/1
5.	Puan Nor Zaini binti Mamat	1/1
6.	Puan Khosiyah binti Halil	1/1
7.	Encik Muhamad Khairi bin Zulkafli	0/1
8.	Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak	1/1

4.0 KEGIATAN DAN PERANCANGAN

4.1 Kursus/Latihan Bagi Kakitangan Dan Anggota Koperasi

- 4.1.1 Jawatankuasa ini juga diminta menyelaraskan program kursus dan latihan bagi Anggota Lembaga, Anggota, pengurusan dan kakitangan Koperasi yang berminat untuk menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh Maktab kerjasama Malaysia (MKM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ANGKASA.
- 4.1.2 Jawatankuasa juga di dalam tindakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan kakitangan Koperasi melalui pengemaskinian Senarai Tugas, Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK).

4.2 Sumbangan Kecemerlangan Pendidikan

- 4.2.1 Pada 2021, Koperasi telah menyalurkan sumbangan pendidikan kepada anak-anak Anggota yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PT3, SPM selain anak-anak Anggota yang telah diterima masuk untuk melanjutkan pelajaran di IPTA/IPTS seluruh negara yang berjumlah **RM16,250.00** seperti dinyatakan di bawah :-

Peperiksaan	Bil. Penerima	Jantina		Jumlah (RM)
		L	P	
UPSR	1	-	1	200.00
PT3/SRA	2	2	-	500.00
SPM/SMA	16	6	10	5,600.00
STPM/STAM	1	1	-	450.00
IPTA/IPTS	19	11	8	12,000.00
Jumlah	39	20	19	16,250.00

4.3 Pembiayaan Dan Pinjaman Kewangan

4.3.1 Bagi tujuan di atas, sejumlah **RM150,000.00** telah diluluskan kepada Anggota seperti pecahan di bawah :-

Bil	Jenis Pinjaman	Jumlah Peminjam	Jantina		Jumlah Pinjaman (RM)
			L	P	
1	Pinjaman 80%	23	15	8	150,000.00
2	Al-Murabahah	-	-	-	-
3	Al-Qardul Hassan	-	-	-	-
Jumlah		23	15	8	150,000.00

4.4 Pembelian Runcit

4.4.1 Sejumlah **RM73,580.00** telah diluluskan oleh Koperasi pada tahun 2021 bagi membantu Anggota memperolehi peralatan-peralatan yang diperlukan melalui aktiviti ini.

4.5 Sumbangan Khairat Kematian

4.5.1 Sepanjang tahun 2021, Koperasi telah menyalurkan sumbangan berjumlah **RM43,000.00** kepada **39** Anggota yang terlibat. Diharapkan sumbangan ini dapat membantu meringankan tanggungan Anggota terlibat di dalam urusan berkaitan.

4.6 Bantuan Musibah

4.6.1 Koperasi juga telah menyalurkan sumbangan Bantuan Musibah seperti banjir, kebakaran, kemalangan, kecurian serta penyakit kritikal/kronik kepada Anggota. Bagi tahun 2021, sejumlah **RM3,000.00** telah disalurkan kepada seramai sepuluh (**10**) Anggota Koperasi yang ditimpa musibah.

4.7 Perkhidmatan Insurans

4.7.1 Untuk tahun 2021, Koperasi masih menjadi ejen kepada syarikat insurans berikut :-

- i) Syarikat Takaful Malaysia Berhad;
- ii) Zurich General Takaful;
- iii) Takaful Ikhlas Sdn. Bhd; dan
- iv) Etiqa Takaful Berhad.

4.7.2 Pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti ini berjumlah **RM1,692,087.86** dengan pendapatan bersih dalam bentuk komisen berjumlah **RM247,345.37**. Adalah diharapkan Anggota mendapatkan perkhidmatan pelbagai jenis insurans yang ditawarkan oleh Koperasi supaya pendapatan Koperasi melalui aktiviti ini terus meningkat dari masa ke semasa.

4.8 Bekalan Barang Keperluan Harian

4.8.1 Koperasi masih lagi meneruskan aktiviti membekal peralatan pejabat, barangan elektrik, barangan telekomunikasi, motosikal, tayar kereta dan lain-lain kepada Anggota Koperasi. Perniagaan ini adalah sebagai membantu Anggota untuk mendapatkan bekalan-bekalan tersebut dengan cara bayaran yang mudah melalui potongan gaji bulanan.

4.8.2 Koperasi juga sedang melihat peluang untuk membekalkan barangan makanan kering seperti beras, mi segera, gula, susu, telur dan lain-lain untuk keperluan tenaga kerja di ladang-ladang milik PKPP dan syarikat anak kumpulan PKPP.

4.9 **Aktiviti Pembekalan Baja**

4.9.1 Jawatankuasa ini terlibat secara langsung di dalam urusan pembekalan baja oleh pihak Koperasi kepada syarikat anak kumpulan PKPP dan untuk tahun 2021, pihak Koperasi telah berjaya memperolehi kontrak pembekalan baja bernilai **RM6,831,627.25** yang melibatkan LKPP Corporation Sendirian Berhad dan PKPP Agro Sdn. Bhd.

4.10 **Sumbangan Untuk Menunaikan Fardhu Haji**

4.10.1 Untuk tahun 2021, tiada sumbangan untuk menunaikan fardu haji diberikan kepada Anggota Koperasi berikutan pandemik Covid-19.

5.0 **PRESTASI KEWANGAN**

5.1 Pada 2021, Koperasi telah mencatat pendapatan kasar berjumlah **RM15,242,746.82** dengan keuntungan bersih berjumlah **RM2,845,074.30**.

5.2 Koperasi berjaya mengekalkan aliran tunai positif dan simpanan tetap yang telah meningkat kepada **RM6.85 juta** selain modal syer di dalam Co-op Bank Pertama yang berjumlah **RM1.003 juta**.

6.0 **PENUTUP**

6.1 Dengan bilangan Anggota yang melebihi 600 orang, ianya boleh menjadi faktor pemangkin pertumbuhan kepada Koperasi pada masa hadapan dengan syarat kesemua Anggota menyokong dan mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Koperasi. Dengan andaian setiap Anggota membelanjakan minimum RM1,000.00 setahun kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, Koperasi akan mendapat pulangan bersih yang dianggarkan berjumlah RM70,000.00 setahun. Keuntungan ini akan dikembalikan semula kepada Anggota dalam bentuk dividen dan lain-lain sumbangan.

6.2 Jawatankuasa berharap agar semua Anggota dapat menjadikan Koperasi bukan sahaja salah satu platform untuk melaburkan wang ringgit, tetapi juga sebagai salah satu pilihan utama di dalam mendapatkan perkhidmatan untuk keperluan semasa.

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL TEKNOLOGI MAKLUMAT TAHUN 2021/2022

1.0 FUNGSI

- 1.1 Mengkaji, merancang dan mengurus aktiviti berkaitan teknologi maklumat Koperasi.
- 1.2 Mengenal pasti dan mengkaji peluang-peluang perniagaan dalam teknologi maklumat khususnya yang melibatkan sektor Koperasi.
- 1.3 Memastikan data-data maklumat Anggota Koperasi disimpan dan diselenggara dengan baik dan sempurna.
- 1.4. Memastikan data-data kewangan Anggota Koperasi disimpan dan diselenggara dengan sempurna dan selamat.

2.0 SENARAI AHLI JAWATANKUASA

- 2.1 Jawatankuasa bagi sesi tahun 2021/2022 adalah terdiri daripada Anggota berikut :-

Pengerusi	:	Tuan Haji Ahmad Zamri bin Abd. Wahab	-ALK
Setiausaha	:	Puan Faradilla binti NurulFuad	
Ahli-ahli	:	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	-ALK
		Puan Hajah Hasna' binti Haji Mohamad Taib	-ALK
		Encik Mohd Rizal bin Ab Muni	
		Encik Che Wan Mahadzir bin Che Wan Samsudin	
		Puan Zaiton binti Awang	
		Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak	
		Encik Shafiq Hazizi bin Shaipul Bahari	

3.0 KEKERAPAN MESYUARAT

- 3.1 Bagi sesi tahun 2021/2022, Jawatankuasa ini telah mengadakan satu (1) kali mesyuarat iaitu pada 08 April 2022. Perkara-perkara berkaitan teknologi maklumat juga dibincangkan di peringkat Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi.
- 3.2 Kehadiran Anggota Jawatankuasa dalam mesyuarat adalah seperti berikut :-

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>Kehadiran</u>
1	Tuan Haji Ahmad Zamri bin Abd. Wahab	1/1
2	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	0/1
3	Puan Hajah Hasna' binti Haji Mohamad Taib	0/1
4	Encik Mohd Rizal bin Ab Muni	1/1
5	Encik Che Wan Mahadzir bin Che Wan Samsudin	1/1
6	Puan Faradilla binti NurulFuad	1/1
7	Puan Zaiton binti Awang	0/1
8	Encik Mohamed Aizuddin Bin Abdul Razak	1/1
9	Encik Shafiq Hazizi bin Shaipul Bahari	1/1

4.0 LAPORAN AKTIVITI – AKTIVITI

4.1 Aktiviti Jawatankuasa

4.1.1 Sistem i-Coop

- 4.1.1.1 Jawatankuasa ini telah membuat beberapa penambahan fungsi dan penambahbaikan pada sistem i-Coop seperti fungsi pembayaran dividen, ringkasan pembayaran, penyata bank dan laporan- laporan yang diperlukan bagi memudahkan pengurusan oleh pihak Koperasi.
- 4.1.1.2 Anggota juga dapat melihat maklumat dan laporan caruman syer, yuran dan baki pinjaman melalui portal yang telah diwujudkan.
- 4.1.1.3 Jawatankuasa ini sentiasa memantau dan menambahbaik sistem dari masa ke semasa agar pemasangannya mencapai matlamat.

4.1.2 Laman Web Dan Portal Rasmi Koperasi

- 4.1.2.1 Jawatankuasa ini telah menambahbaik laman web rasmi Koperasi yang telah dibangunkan mengikut keperluan semasa. Melalui laman web ini, Anggota boleh mencapai maklumat Koperasi termasuk maklumat Anggota seperti menyemak modal syer dan yuran serta baki hutang secara atas talian dengan mudah dan pantas.
- 4.1.2.2 Unit Media telah berjaya ditubuhkan bagi menyediakan input kandungan media portal koperasi mengikut perkembangan serta 'posting' yang berterusan agar pengguna mendapat maklumat yang jelas dan terkini.
- 4.1.2.3 Laman web dan laman sosial *Facebook* Koperasi di kemaskini dari semasa ke semasa sesuai dengan aktiviti dan organisasi Koperasi.

4.1.3 Promosi Produk i-Coop kepada Sektor Koperasi

- 4.1.3.1 Jawatankuasa dalam proses bekerjasama dengan Koperasi-koperasi lain sekitar Pahang dalam usaha menawarkan sistem bagi pendaftaran anggotanya.
- 4.1.3.2 Koperasi-koperasi di sekitar Pahang akan disalurkan maklumat mengenai perkhidmatan dan produk i-Coop melalui laman sosial *Facebook* Koperasi.

4.1.4 Tugasan Sebagai Jawatankuasa Pendaftaran Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi

- 4.1.4.1 Jawatankuasa ini dimaklumkan bahawa mesyuarat Agung Koperasi akan diadakan sebelum 30 Jun 2022 dan gerak kerja telah bermula dari sekarang.
- 4.1.4.2 Segala peraturan dan SOP perlu mengikut Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu dan perlu ditambah baik bagi melancarkan lagi perjalanan mesyuarat.

4.1.4.3 Jawatankuasa ini juga dimaklumkan perlu mengaktifkan semula fungsi-fungsi pembayaran dividen dan fungsi-fungsi lain yang telah dinyahaktifkan kerana mesyuarat agung kali ke-37 akan diadakan secara bersemuka.

5.0 RUMUSAN

- 5.1 Sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat semasa, Jawatankuasa sentiasa mengemaskini sistem bagi memudahkan Anggota selain pengurusan bagi menguruskan Koperasi dengan lebih sistematik dan lestari.
- 5.2 Di samping itu, sistem ini dilihat berpotensi untuk memasuki pasaran khususnya dalam sektor koperasi dalam usaha menjana pendapatan baru kepada Koperasi.

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PERLADANGAN DAN PELABURAN
TAHUN 2021/2022

1.0 FUNGSI

- 1.1 Mengkaji, merancang serta mengurus projek-projek berasaskan pertanian khususnya perladangan kelapa sawit yang berpotensi baik sebagai bidang utama aktiviti Koperasi;
- 1.2 Mengenal pasti dan mengkaji peluang-peluang pelaburan dan perniagaan lain yang berpotensi baik untuk menambah pendapatan dan keuntungan Koperasi;
- 1.3 Mengkaji peluang pelaburan dalam saham-saham siar harga dan tidak siar harga; dan
- 1.4 Menyediakan laporan dan mengenal pasti prestasi kegiatan dan pelaburan Koperasi yang berkaitan untuk keputusan Anggota Lembaga Koperasi.

2.0 SENARAI AHLI JAWATANKUASA

- 2.1 Jawatankuasa bagi sesi tahun 2021/2022 yang dilantik pada 11 Februari 2022 adalah terdiri daripada Anggota berikut :-

Pengerusi	:	Encik Jumainoor bin Jamaluddin	-	ALK
Setiausaha	:	Encik Asyraf bin Apeloh		
Ahli-ahli	:	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	-	ALK
		Puan Hajah Hasna' binti Haji Mohamad Taib	-	ALK
		Encik Amirriadha'Anam bin Koraini	-	ALK
		Encik Nurul Fakhri bin Hamzah	-	ALK
		Encik Zaiful Kamil bin Sabri		
		Encik Nor Amei bin Mohd Nor		
		Encik Taharin bin Yusof		
		Tuan Haji Mustafa bin Mawardi		
		Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak		

3.0 KEKERAPAN MESYUARAT

- 3.1 Bagi sesi 2021/2022, jawatankuasa ini telah mengadakan satu (1) kali mesyuarat iaitu pada 25 Mac 2022.

3.2 Kehadiran Anggota Jawatankuasa dalam mesyuarat adalah seperti berikut :-

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>Kehadiran</u>
1	Encik Jumainoor bin Jamaluddin	1/1
2	Encik Asyraf bin Apeloh	1/1
3	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	0/1
4	Puan Hajah Hasna binti Haji Mohamad Taib	0/1
5	Encik Amirriadha'Anam bin Koraini	1/1
6	Encik Nurul Fakhri bin Hamzah	1/1
7	Encik Zaiful Kamil bin Sabri	0/1
8	Encik Nor Amei bin Mohd Nor	1/1
9	Encik Taharin bin Yusof	1/1
10	Tuan Haji Mustafa bin Mawardi	1/1
11	Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak	1/1

4.0 LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI

4.1 Pelaburan Hartanah Ladang

4.1.1 Koperasi memiliki lima (5) buah ladang seluas 554.86 hektar yang ditanam dengan tanaman kelapa sawit.

4.1.2 Berdasarkan profil umur, pokok kelapa sawit yang menghampiri peringkat penanaman semula adalah Ladang Sepayang, Rompin yang telah mencapai umur 25 tahun (tahun tanam 1996), diikuti Ladang Sri Inai, Pekan (tahun tanam 1998), Ladang Sg. Tenang, Jerantut (tahun tanam 1998), Ladang Pongsoi, Temerloh (tahun tanam 1999 & 2002) dan Ladang Sg. Cherung, Pekan (tahun tanam 2001 & 2003).

4.1.3 Bagi tahun 2021, penghasilan Buah Tandan Segar (BTS) di kesemua ladang milik Koperasi mencatatkan penurunan sebanyak 30.88% iaitu 2,253.79 metrik tan yang berjumlah 5,044.60 metrik tan berbanding tahun 2020 yang berjumlah 7,298.39 metrik tan. Namun begitu, berbanding tahun 2020, berlaku peningkatan pendapatan daripada jualan BTS yang dicatatkan yang berjumlah RM5,619,942.88 dengan perbelanjaan berjumlah RM2,448,597.60 dan keuntungan yang berjumlah RM3,171,345.28.

4.1.4 Jadual berikut menunjukkan penghasilan ladang kelapa sawit Koperasi bagi tempoh 5 tahun :-

Tahun	Penghasilan BTS (Metrik Tan)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2017	8,061.67	2,075,328.33	257.43
2018	7,449.93	771,501.10	103.56
2019	7,975.09	797,611.63	100.01
2020	7,298.39	1,315,428.23	180.24
2021	5,044.60	3,171,345.28	628.66

4.1.5 Berikut adalah maklumat berkaitan ladang-ladang milik Koperasi :-

a) Ladang Sepayang, Rompin - 150 Hektar

- i) Bagi tahun 2021, ladang ini telah menyumbang pendapatan bersih berjumlah RM557,960.19 dengan peningkatan keuntungan sebanyak 49.91% yang berjumlah RM372,188.70 berbanding tahun 2020. Ladang ini menyumbang 17.59% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) Perbandingan penghasilan dan keuntungan bersih yang diperoleh adalah seperti jadual berikut :-

Tahun	Penghasilan BTS (Metrik Tan)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/MT BTS)
2017	1,388.15	308,330.25	222.11
2018	1,215.37	(13,180.73)	(10.85)
2019	1,955.35	289,082.03	147.84
2020	1,667.52	372,188.70	223.20
2021	644.55	557,960.19	865.66

- iii) Ladang ini diuruskan oleh LKPP Corporation Sdn. Bhd. (LCSB) melalui kaedah Mudharabah (perkongsian untung) pada nisbah 80:20 iaitu 80% Koperasi dan 20% LCSB sehingga Julai 2021. Bermula Ogos 2021 Ladang Sepayang diuruskan oleh PKPP Agro Sdn. Bhd (PASB).

b) Ladang Sri Inai, Pekan - 107.79 Hektar

- i) Bagi tahun 2021, ladang ini telah mencatatkan peningkatan pendapatan bersih iaitu RM501,311.60 berbanding tahun 2020 yang mencatatkan pendapatan berjumlah RM227,122.43 (kenaikan 120.72%). Ladang ini menyumbang 15.83% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) Hasil BTS tahun 2021 adalah 832.49 metrik tan iaitu berkurangan 42.80% jika dibandingkan tahun 2020 yang berjumlah 1,455.36 metrik tan.
- iii) Perbandingan penghasilan dan keuntungan bersih seperti berikut :-

Tahun	Penghasilan BTS (Metrik Tan)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2017	1,642.18	381,596.30	232.37
2018	1,964.49	316,523.92	161.12
2019	1,802.27	238,538.84	132.35
2020	1,455.36	227,122.43	156.06
2021	832.49	501,311.60	602.18

- iv) Ladang berkenaan juga diuruskan secara Mudharabah dengan pihak LCSB pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu 80% Koperasi dan 20% LCSB sehingga Julai 2021. Bermula Ogos 2021 Ladang Sri Inai diuruskan oleh PKPP Agro Sdn. Bhd (PASB).

c) Ladang Sungai Cherung, Pekan - 103.98 Hektar

- i) Ladang ini telah menghasilkan pendapatan bersih pada tahun 2021 berjumlah RM440,993.55 iaitu peningkatan sebanyak 146.39% dari tahun 2020 yang berjumlah RM178,978.32. Ladang ini menyumbang 13.91% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) BTS yang dihasilkan tahun 2021 berjumlah 765.44 metrik tan yang mencatatkan penurunan 38.36% dari tahun 2020 yang berjumlah 1,241.76 metrik tan.
- iii) Perbandingan penghasilan dan keuntungan bersih tahunan adalah seperti berikut :-

Tahun	Penghasilan BTS (Metrik Tan)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2017	1,276.59	239,012.47	187.22
2018	1,590.25	204,110.94	128.35
2019	1,675.00	143,777.33	85.84
2020	1,241.76	178,978.32	144.13
2021	765.44	440,993.55	576.13

- v) Ladang tersebut juga diuruskan oleh LCSB dengan kadar Mudharabah pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu 80% Koperasi dan 20% LCSB sehingga Julai 2021. Bermula Ogos 2021 Ladang Sungai Cherung diuruskan oleh PKPP Agro Sdn. Bhd (PASB).

d) Ladang Sungai Tenang, Temerloh - 102.79 Hektar

- i) Penghasilan bersih ladang ini bagi tahun 2021 berjumlah RM932,756.21 meningkat 142.21% dari tahun 2020 yang berjumlah RM385,094.68. Ladang ini menyumbang 29.41% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) Penghasilan BTS pada tahun 2021 ialah 1,475.58 metrik tan berkurangan sebanyak 6.62% dari tahun 2020 yang mencapai 1,580.18 metrik tan.

- iii) Perbandingan penghasilan dan keuntungan bersih adalah seperti berikut :-

Tahun	Penghasilan BTB (Metrik Tan)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2017	1,942.67	623,250.28	320.82
2018	1,753.21	288,310.50	164.45
2019	1,605.23	224,264.12	139.71
2020	1,580.18	385,094.68	243.70
2021	1,475.58	932,756.21	632.13

- iv) Ladang tersebut juga diuruskan secara Mudharabah bersama LCSB pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu Koperasi 80% dan LCSB 20% sehingga Julai 2021. Bermula Ogos 2021 Ladang Sungai Tenang diuruskan oleh PKPP Plantation Sdn. Bhd (PPSB).
- v) Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) Ladang Sg. Tenang dijangka dijelaskan sepenuhnya pada awal tahun 2022.

e) Ladang Pongsoi, Lanchang - 90.3 Hektar

- i) Bagi tahun 2021, ladang ini telah mencatatkan peningkatan dalam pendapatan bersih berjumlah RM738,323.73 berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM152,044.10. Ladang ini menyumbang 23.28% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) Penghasilan BTS pada 2021 ialah 1,326.54 metrik tan berkurangan 1.99% dari tahun 2020 yang hanya mencapai 1,353.57 metrik tan. Perbandingan seperti berikut :-

Tahun	Penghasilan BTB (Metrik Tan)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2017	1,794.25	523,139.03	291.56
2018	926.61	66,186.30	71.43
2019	937.24	(89,798.95)	(95.81)
2020	1,353.57	152,044.10	112.33
2021	1,326.54	738,323.73	556.58

- iii) Ladang berkenaan juga diuruskan oleh LCSB secara Mudharabah pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu Koperasi 80% dan LCSB 20% sehingga Julai 2021. Bermula Ogos 2021 Ladang Pongsoi diuruskan oleh PKPP Plantation Sdn. Bhd (PPSB).
- iv) Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) Ladang Pongsoi dijangka akan diselesaikan pada bulan Mac 2030.

4.2 Pembangunan Hartanah Bangunan

4.2.1 **Bangunan Kedai Pejabat di Bandar Tun Abdul Razak, Jengka**

- a) Koperasi mempunyai dua (2) unit lot kedai yang bernilai RM2.19 juta hasil usahasama dengan LKPP Property Sdn. Bhd. (LPSB).
- b) Bangunan ini disewakan kepada Bank Islam (M) Berhad pada kadar RM11,630.00 sebulan. Lot-lot bangunan ini juga disewakan kepada butik pengantin yang menjana sewa berjumlah RM700.00 sebulan.
- c) Syarikat Touch Matrix Sdn. Bhd. telah menyewa kawasan bumbung bangunan ini bagi tujuan pemasangan pencawang telekomunikasi pada kadar sewa RM1,000.00 sebulan.

4.2.2 **Bangunan Kedai Sg Isap Jaya, Kuantan**

- a) Koperasi telah menyewakan bangunan kedai ini pada kadar sewa RM2,000.00 sebulan kepada Restoran Nasi Arab Al-Jawaher.

4.2.3 **Bangunan Pejabat *Commercial Centre* Batu 3, Gambang**

- a) Koperasi telah membeli bangunan ini pada harga RM 1.27 juta pada tahun 2017. Bangunan ini telah disewakan pada PKPP Plantation Sdn. Bhd. (PPSB) dan Pusat Dialisis Qaseh PKPP (PDQP).
- b) PPSB telah menyewa bangunan ini pada kadar RM 2,500.00 sebulan dan PDQP yang terletak di tingkat bawah pada kadar RM2,500.00 sebulan.

4.3 Pelaburan dalam Dominion Square Sdn Bhd (DSSB) - Kilang Sawit

- 4.3.1 Bagi tempoh berakhir 2021, Koperasi memiliki 20% pegangan ekuiti dalam Dominion Square Sdn. Bhd.

4.4 Sewaan Traktor kepada Ladang-Ladang Kumpulan PKPP

- 4.4.1 Koperasi menjalankan aktiviti sewaan traktor kepada ladang-ladang milik PKPP yang diuruskan oleh PPSB seperti berikut :-

Bil.	Ladang	Kadar Sewa (RM/Bulan)
1.	Pamah Lebar, Raub	3,850.00
2.	Kemayan, Bera	2,700.00
3.	Sg. Charu, Kuantan	12,375.00
4.	Sg. Machang, Kuantan	3,990.00
5.	Awam Lembah Klau, Raub	1,750.00
6.	RTP Lebu, Bentong	1,750.00
Jumlah		26,415.00

4.5 Pelaburan Dalam Saham

4.5.1 Koperasi melaksanakan pelaburan dalam saham tidak siar harga sepertimana berikut :-

Saham	Nilai Belian (RM)	Peratus Dividen (%)
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	77,195.00	15
Co-op Bank Pertama	1,003,000.00	8
Dominion Square Sdn. Bhd.	1,683,824.00	7
Koperasi Konsortium Penyelaras Negeri Pahang	10,000.00	-

4.6 Pembekalan Baja ke Anak Syarikat Kumpulan PKPP

4.6.1 Pihak Koperasi telah diberi kepercayaan untuk membekalkan baja kepada anak syarikat kumpulan PKPP iaitu LCSB dan PASB.

4.6.2 Koperasi dapat membekalkan dua (2) jenis baja (*NK Mixture dan Compound 14/13*) ke LCSB serta tiga (3) jenis baja (*Ammonium Sulphate, Compaction dan Muriate Of Potash*) ke PASB.

4.7 Perancangan dan Aktiviti Semasa

4.7.1 Program Penanaman Semula Ladang Kelapa Sawit

Program untuk menanam semula kawasan Ladang Sepayang akan dilaksanakan di dalam tahun 2023.

5.0 RUMUSAN

Anggota jawatankuasa ini akan sentiasa berusaha menjadikan aktiviti perladangan serta pelaburan dapat menjana keuntungan yang baik melalui pengurusan yang cekap dan proaktif bagi memaksimumkan keuntungan Koperasi. Peluang-peluang baharu untuk meningkatkan aktiviti akan sentiasa diusahakan.

AGENDA 2.3

LAPORAN AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021, LAPORAN JURUAUDIT LUAR, LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA DAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM.

<u>Kandungan</u>	<u>Muka Surat</u>
Laporan Berkanun Anggota Lembaga	- 54-56
Laporan Juruaudit	- 57-61
Kunci Kira-Kira	- 62-64
Akaun Pembahagian Keuntungan	- 65-66
Akaun Untung Rugi	- 67-73
Penyata Aliran Tunai	- 74-75
Nota-Nota Kepada Akaun	- 76-107
Laporan Jawatankuasa Audit Dalam (JAD)	- 108-107

**KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)**

**Laporan dan Penyata Kewangan
Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2021**

**MNZWAJA (AF 001959)
AKAUNTAN BERTAULIAH (MALAYSIA)**

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

<u>Kandungan</u>	<u>Muka Surat</u>
MAKLUMAT KORPORAT	1
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA	2 - 3
PENYATA ANGGOTA LEMBAGA	4
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	5 - 9
PENYATA KEWANGAN	
Penyata Kedudukan Kewangan	10 - 12
Akaun Pembahagian Keuntungan	13 - 14
Penyata Pendapatan Komprehensif	15 - 17
Penyata Pendapatan Komprehensif Projek Ladang Sawit	18
Penyata Pendapatan Komprehensif Perkhidmatan Insurans	19
Penyata Pendapatan Komprehensif Ternakan Kelulut Madu	20
Penyata Pendapatan Komprehensif Pelbagai Aktiviti Jualan	21
Penyata Aliran Tunai	22 - 23
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	24 - 55

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

ANGGOTA LEMBAGA

Sarwah binti Mohamed Jusoh
Abd Hisham bin Mat Idrus
Hasna' binti Mohamad Taib
Ahmad Hisham bin Abdul Halim
Kamaruddin bin Sulaiman
Nor Zaini binti Mamat
Zakaria bin Muhamad
Nurul Fakhri bin Hamzah
Khairul Anuar bin Basir
Jumainoor bin Jamaluddin
Ahmad Zamri bin Abd. Wahab
Amirriadha'anam bin Koraini

Pengerusi
Setiausaha
Bendahari
Ahli Lembaga Koperasi
Ahli Lembaga Koperasi

PEJABAT BERDAFTAR

No. 26, Tingkat 1, Bangunan LKNP
Lengkok Kanan 2
Taman Tanah Putih Baru
25150 Kuantan
Pahang Darul Makmur

ALAMAT PENTADBIRAN DAN SURAT-MENYURAT

No. 26, Tingkat 1, Bangunan LKNP
Lengkok Kanan 2
Taman Tanah Putih Baru
25150 Kuantan
Pahang Darul Makmur

JURUAUDIT

MNZWAJA (AF 001959)
No. 13A, Tingkat 1 & 2
China Town, Jalan Putra Square 3
Putra Square, 25200 Kuantan
Pahang Darul Makmur

BANK-BANK UTAMA

Bank Islam Malaysia Berhad
Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad
Bank Persatuan
HongLeong Bank Berhad
Maybank Islamic Berhad

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT
AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)**

Kami bagi pihak anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Aktiviti utama Koperasi adalah menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit, perkhidmatan insurans, ternakan kelulut madu, pelbagai aktiviti jualan termasuk jualan alat tulis, tayar, pembekalan baja, alatan IT dan komunikasi, barangan elektronik, serta barangan perabot. Koperasi juga menjalankan aktiviti pinjaman kepada anggota, sewaan, serta pelaburan saham.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi, 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya, kami bagi pihak anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

- (a) Perolehan Koperasi di sepanjang tahun tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian yang luarbiasa mengikut tarif Seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993. Keuntungan bersih sebelum pembahagian keuntungan adalah berjumlah **RM2,845,074.30 (2020: RM1,606,059.82)**
- (b) Koperasi bercadang untuk mengeluarkan dividen sebanyak 10.00% atas modal saham yang berjumlah RM227,154.00 dan 10.00% atas modal yuran yang berjumlah sebanyak RM1,013,030.40.
- (c) Lembaga bercadang untuk memindahkan keuntungan terkumpul seperti berikut:-
- | | RM |
|---|------------|
| i. Honorarium lembaga | 100,000.00 |
| ii. Kumpulan Wang Penebusan Saham | 85,000.00 |
| iii. Kumpulan Wang Kebajikan Am | 110,000.00 |
| iv. Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan | 110,000.00 |
| v. Kumpulan Wang Khairat kematian dan Bantuan Musibah | 110,000.00 |
| vi. Kumpulan Wang Derma dan Pemberian Tertentu | 250,000.00 |
| vii. Kumpulan Wang Ehsan | 250,000.00 |
| viii. Kumpulan Wang Tanam Semula Ladang | 176,000.00 |
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai.
- (e) Tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam jangkamasa dua belas bulan selepas akhir tahun yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menepati segala kewajipannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak.
- (f) Aset semasa seperti terdapat dalam rekod-rekod perakaunan Koperasi adalah hasil secara urusan perniagaan biasa dan munasabah.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT
AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C) (SAMBUNGAN)**


(g) Keanggotaan pihak Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Sarwah binti Mohamed Jusoh	Pengerusi
Abd Hisham bin Mat Idrus	Setiausaha
Hasna' binti Mohamad Taib	Bendahari
Ahmad Hisham bin Abdul Halim	Ahli Lembaga Koperasi
Kamaruddin bin Sulaiman	Ahli Lembaga Koperasi
Nor Zaini binti Mamat	Ahli Lembaga Koperasi
Zakaria bin Muhamad	Ahli Lembaga Koperasi
Nurul Fakhri bin Hamzah	Ahli Lembaga Koperasi
Khairul Anuar bin Basir	Ahli Lembaga Koperasi
Jumainoor bin Jamaluddin	Ahli Lembaga Koperasi
Ahmad Zamri bin Abd. Wahab	Ahli Lembaga Koperasi
Amirriadha'anam bin Koraini	Ahli Lembaga Koperasi


Kami bagi pihak anggota Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3), Akta Koperasi, 1993.



Sarwah binti Mohamed Jusoh
Pengerusi



Abd Hisham bin Mat Idrus
Setiausaha




Hasna' binti Mohamad Taib
Bendahari

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ANGGOTA LEMBAGA

Kami, Sarwah binti Mohamed Jusoh dan Hasna' binti Mohamad Taib, dua orang daripada anggota Lembaga **KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga, penyata kewangan yang disertakan bersama penyata berkaitan penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021, akaun pembahagian keuntungan, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan telah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Koperasi, 1993 yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Koperasi pada 31 Disember 2021 dan hasil serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga.



Sarwah binti Mohamed Jusoh
Pengerusi



Hasna' binti Mohamad Taib
Bendahari

Kuantan

Tarikh: 30 MAY 2022



KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada,

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-Anggota Koperasi LKPP Pahang Berhad

Laporan Audit Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD** yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2021, dan akaun pembahagian keuntungan, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah mengendalikan audit kami menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini adalah dihuraikan dengan lanjut dalam *Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan* dalam Laporan kami. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.



KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Koperasi, selaras dengan *By-Laws (on Professional Ethics, Conduct and Practice)* Institut Akauntan Malaysia ("*By-Laws*") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards)* (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut *By-Laws* dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para pengurusan Koperasi adalah bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Pengurusan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Pengurusan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Pengurusan dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Pengurusan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan kami diperolehi dalam audit atau sebaliknya sekiranya terdapat salah nyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja pengauditan yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa laporan para pengurusan terdapat salah nyata yang ketara dan kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa pandangan untuk melaporkan hal ini.

Tanggungjawab Para Pengurusan ke atas Penyata Kewangan

Para Pengurusan Koperasi adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Para pengurusan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh para pengurusan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.



KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Para Pengurusan ke atas Penyata Kewangan (Sambungan)

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, para pengurusan adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para pengurusan berniat untuk membubarkan Koperasi atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mencapai kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Koperasi adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Kepastian yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas pendapat yang munasabah. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai dasar-dasar perakaunan penting yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pengurusan.



KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (Sambungan)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kita membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dengan cara mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para pengurusan Koperasi, antaranya yang berkaitan dengan skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti sepanjang pengauditan kami.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Seksyen 58 Akta;
- (b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset Koperasi dalam tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah menurut peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 di Malaysia dan peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- (c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam semua aspek yang material, dinyatakan dengan saksama menurut dasar-dasar perakaunan.



KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.


MNZWAJA
AF 001959
Akauntan Bertauliah


Taqiyuddin Amini bin Abdul Satar
SKM (B) 0455
02378/09/2022 J
Akauntan Bertauliah

Kuantan
Tarikh: 30 MAY 2022

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
Pada 31 Disember 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN	6		
Bangunan		22,123.64	24,137.98
Hawa dingin		7,747.00	1,261.00
Jentera pertanian		491,962.00	671,335.50
Kenderaan		131,922.97	1.00
Komputer		39,372.60	22,386.12
Perabot dan kelengkapan pejabat		15,561.46	1,095.59
Peralatan kedai		1.00	1.00
Tanah		7,974,672.60	8,086,181.18
Ubahsuai		43,106.60	15,564.00
		<u>8,726,469.87</u>	<u>8,821,963.37</u>
Aset biologi	7	-	14,600.00
Aset geran SKM	8	-	-
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan dalam saham tak siar harga	9	2,764,019.00	2,774,019.00
Pelaburan dalam hartanah	10	3,223,745.68	3,296,620.82
Pinjaman anggota	11	120,111.68	381,749.38
		<u>6,107,876.36</u>	<u>6,452,389.20</u>
ASET SEMASA			
Penghutang perdagangan	12	3,281,281.38	3,305,325.97
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	13	835,362.03	617,838.21
Pinjaman anggota	11	500,000.00	500,000.00
Aset kumpulan wang rizab statutori	14	4,419,545.15	4,054,837.84
Tunai dan kesetaraan tunai	15	3,802,551.22	3,964,822.73
Cukai boleh diperoleh		447,258.00	296,520.16
		<u>13,285,997.78</u>	<u>12,739,344.91</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada 31 Disember 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang perdagangan	16	2,486,705.88	4,201,711.44
Simpanan khas anggota	17	291,000.00	294,000.00
Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP)	18	171,273.37	282,667.59
Kumpulan wang amanah pendidikan Koperasi	19	56,901.49	32,121.20
Kumpulan wang amanah pembangunan Koperasi	20	28,450.74	16,060.60
Dividen anggota	21	1,703,769.90	1,260,222.43
Honorarium lembaga	22	140,000.00	55,000.00
